



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **PENERAPAN DIMENSI MORAL MELALUI PEMBELAJARAN TERADUN DALAM PENDIDIKAN MORAL SEKOLAH RENDAH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MAZIAH BINTI ISMAIL**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2026**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENERAPAN DIMENSI MORAL MELALUI PEMBELAJARAN  
TERADUN DALAM PENDIDIKAN MORAL  
SEKOLAH RENDAH**

**MAZIAH BINTI ISMAIL**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2026**

UPSI/PS-3/EO 11  
Pind. 00 m/s: 1/1

Sila tanda (+)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

|   |
|---|
|   |
| 1 |
|   |
|   |

# INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

## PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

### i. Perakuan pelajar :

Saya, MAZIAH BINTI ISMAIL (M20231000428), FSK (SILA  
NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa  
disertasi/tesis yang bertajuk PENERAPAN DIMENSI MORAL MELALUI PEMBELAJARAN TERADUN

DALAM PENDIDIKAN MORAL SEKOLAH RENDAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana  
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi  
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula  
daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan  
dengan se jelas-saya dan secukupnya

[Signature]  
Tandatangan pelajar

### ii. Perakuan Penyelidik

Saya, PROF. MADYA DR. NADARAJAN A/L THAMBU (NAMA PENYELIA) dengan ini  
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENERAPAN DIMENSI MORAL MELALUI PEMBELAJARAN TERADUN

DALAM PENDIDIKAN MORAL SEKOLAH RENDAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut  
Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah  
SARJANA PENDIDIKAN MORAL (SILA NYATAKAN NAMA  
IJAZAH).

Tarikh

[Signature]  
Tandatangan Penyelidik

PROF. MADYA DR. NADARAJAN THAMBU  
Jabatan Pengajian Moral, Sivik  
Dan Pembangunan Karakter  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENERAPAN DIMENSI MORAL MELALUI PEMBELAJARAN TERADUN DALAM  
DALAM PENDIDIKAN MORAL SEKOLAH RENDAH

No. Matrik /  
Matric's No.: M20231000428

Saya / I am: MAZIAH BINTI ISMAIL  
 (Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.  
*The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

|   |                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|---|--------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| / | <b>AKSES TERBUKA<br/>OPEN ACCESS</b> | Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian.<br><i>I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.</i>                                                                                                           |
|   | <b>*TERHAD<br/>*LIMITED</b>          | Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan.<br>(Perpustakaan akan menyekat akses sehingga _____ tahun).<br><i>Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted.<br/>       (Library will restrict access until _____ years).</i> |
|   | <b>*SULIT<br/>*CONFIDENTIAL</b>      | Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.<br><i>Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.</i>                                                                                                                                                                                                                     |
|   | <b>EMBARGO</b>                       | Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: <i>This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:</i>                                                                                                                                   |

\*Nota / \*Notes:

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.  
*If no option is marked, the first option will be automatically implemented.*
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai **TERHAD** atau **SULIT**. / If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as **CONFIDENTIAL** or **LIMITED**, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as **LIMITED** or **CONFIDENTIAL**.

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh:

Tandatangan Penelia

PROF. MADYA DR. NADARAJAN THAMBU  
 Jabatan Pengajian Moral, Sivik  
 Dan Pembangunan Karakter  
 Fakulti Sains Kemanusiaan  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh:

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, saya dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Nadarajan Thambu yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, dan nasihat sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Keprihatinan dan pandangan berguna yang dihulurkan tanpa jemu oleh beliau telah banyak membantu saya menyiapkan tesis dengan jayanya. Saya amat menghargai ketekunan dan kesabaran beliau sepanjang menjalankan tugas sebagai penyelia. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pentadbir, guru, dan murid sekolah rendah yang terlibat dalam menjayakan kajian saya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Putrajaya, kerana memberikan kebenaran dan sokongan kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah yang dipilih. Tidak dilupakan, terima kasih kepada rakan seperjuangan yang banyak memberikan tunjuk ajar serta berkongsi maklumat berkaitan kajian untuk dijadikan panduan dalam menyempurnakan kajian ini. Ucapan terima kasih yang istimewa saya tujukan kepada suami tercinta, En. Zaimi Sabri, dan seluruh ahli keluarga yang tidak jemu-jemu memberikan sokongan moral sepanjang saya menjalankan kajian ini. Akhir sekali, semoga Allah S.W.T memberikan keberkatan atas segala sokongan dan kerjasama yang telah dihulurkan. Semoga penyelidikan ini dapat dijadikan asas untuk menyokong dalam pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21 yang berbantuan teknologi.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menyelidik penerapan pembelajaran teradun dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah rendah yang merangkumi tiga domain utama iaitu penaakulan moral, emosi moral dan amalan moral secara holistik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian tindakan. Seramai 12 orang murid Tahun Empat daripada pelbagai latar belakang kaum terlibat dalam kajian ini. Data dikumpulkan melalui kaedah temu bual, pemerhatian secara langsung, dan catatan jurnal. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran teradun yang mengintegrasikan teknologi dapat meningkatkan kemampuan murid untuk berfikir secara moral (penaakulan moral), malah menunjukkan kepekaan emosi dan kesedaran terhadap nilai sejagat (emosi moral). Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa murid lebih cenderung untuk mengamalkan nilai moral secara konsisten dan kontekstual (amalan moral). Ternyata kajian ini menyerlahkan potensi pembelajaran teradun dalam meningkatkan keberkesanan Pendidikan Moral di sekolah rendah. Kajian ini memberikan implikasi terhadap kaedah pedagogi dalam Pendidikan Moral, dengan menunjukkan bahawa pembelajaran teradun bukan sahaja berupaya meningkatkan pemahaman murid terhadap nilai-nilai moral yang dipelajari, malah turut memperkukuh penghayatan dan pengamalan nilai tersebut secara konsisten dalam kehidupan seharian mereka. Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan keperluan latihan khusus dan pembangunan profesional guru bagi meningkatkan kemahiran pedagogi dalam melaksanakan pembelajaran teradun dalam Pendidikan Moral sekolah rendah selaras dengan peranan guru sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran murid.

## IMPLEMENTATION OF MORAL DIMENSIONS THROUGH BLENDED LEARNING IN PRIMARY SCHOOL MORAL EDUCATION

### ABSTRACT

This study examines the implementation of blended learning in the teaching and learning of Moral Education at the primary school level, focusing on three core domains: moral reasoning, moral emotions, and moral practices in a holistic manner. Employing a qualitative, action research design, the study involved 12 Year Four pupils from diverse ethnic backgrounds. Data were collected through semi-structured interviews, classroom observations, and reflective journals. The data were analysed using thematic analysis. The findings reveal that blended learning integrated with technology enhances pupils' moral reasoning by encouraging higher-order thinking and reflective judgement. Furthermore, pupils demonstrated increased emotional sensitivity and awareness of universal moral values, indicating the development of moral emotions. The study also found that pupils were more inclined to practise moral values consistently and contextually in real-life situations, reflecting positive changes in moral practices. Overall, the findings highlight the potential of blended learning to enhance the effectiveness of Moral Education at the primary school level. This study contributes to pedagogical practices in Moral Education by demonstrating that blended learning not only deepens pupils' understanding of moral values but also strengthens the internalisation and consistent application of these values in daily life. The study further underscores the need for targeted teacher training and continuous professional development to support the effective implementation of blended learning in primary school Moral Education, aligned with teachers' role as facilitators of learning.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

|                                    |    |
|------------------------------------|----|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b> | ii |
|------------------------------------|----|

|                                        |     |
|----------------------------------------|-----|
| <b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b> | iii |
|----------------------------------------|-----|

|                    |    |
|--------------------|----|
| <b>PENGHARGAAN</b> | iv |
|--------------------|----|

|                |   |
|----------------|---|
| <b>ABSTRAK</b> | v |
|----------------|---|

|                 |     |
|-----------------|-----|
| <b>ABSTRACT</b> | vii |
|-----------------|-----|

|                  |      |
|------------------|------|
| <b>KANDUNGAN</b> | viii |
|------------------|------|

|                       |     |
|-----------------------|-----|
| <b>SENARAI JADUAL</b> | vii |
|-----------------------|-----|

|                      |     |
|----------------------|-----|
| <b>SENARAI RAJAH</b> | xiv |
|----------------------|-----|

|                          |    |
|--------------------------|----|
| <b>SENARAI SINGKATAN</b> | xv |
|--------------------------|----|

|                         |     |
|-------------------------|-----|
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b> | xvi |
|-------------------------|-----|

### BAB 1 PENGENALAN

|                 |   |
|-----------------|---|
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
|-----------------|---|

|                           |   |
|---------------------------|---|
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 |
|---------------------------|---|

|                                   |   |
|-----------------------------------|---|
| 1.3 Rasional Pembelajaran Teradun | 5 |
|-----------------------------------|---|

|                                               |   |
|-----------------------------------------------|---|
| 1.4 Kurikulum Pendidikan Moral Sekolah Rendah | 9 |
|-----------------------------------------------|---|

|                        |    |
|------------------------|----|
| 1.5 Pernyataan Masalah | 12 |
|------------------------|----|

|                                               |    |
|-----------------------------------------------|----|
| 1.5.1 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran | 13 |
|-----------------------------------------------|----|



|        |                                             |    |
|--------|---------------------------------------------|----|
| 1.5.2  | Amalan Pengajaran dan Pembelajaran          | 16 |
| 1.5.3  | Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK 21)     | 19 |
| 1.6    | Objektif Kajian                             | 24 |
| 1.7    | Persoalan Kajian                            | 24 |
| 1.8    | Skop Kajian                                 | 25 |
| 1.8.1  | Strategi Pengajaran                         | 25 |
| 1.8.2  | Kurikulum Pendidikan Moral                  | 25 |
| 1.8.3  | Penilaian Pembelajaran Moral                | 26 |
| 1.8.4  | Pendidik dan Etika Perguruan                | 26 |
| 1.8.5  | Pengaruh Teknologi dalam Pembelajaran Moral | 26 |
| 1.8.6  | Pembangunan Karakter                        | 27 |
| 1.8.7  | Penilaian Keseluruhan                       | 27 |
| 1.9    | Kerangka Konsep                             | 27 |
| 1.10   | Kepentingan Kajian                          | 30 |
| 1.11   | Batasan Kajian                              | 32 |
| 1.12   | Definisi Istilah                            | 33 |
| 1.12.1 | Pendidikan Moral                            | 33 |
| 1.12.2 | Pembelajaran                                | 34 |
| 1.12.3 | Pembelajaran Teradun                        | 35 |
| 1.13   | Organisasi Bab                              | 35 |
| 1.14   | Kesimpulan Bab                              | 36 |

## BAB 2 SOROTAN LITERATUR

|     |                                              |    |
|-----|----------------------------------------------|----|
| 2.1 | Pendahuluan                                  | 38 |
| 2.2 | Peranan Pendidikan Moral di Sekolah Rendah   | 39 |
| 2.3 | Penerapan Nilai Moral dalam Pendidikan Moral | 41 |



|       |                                                           |    |
|-------|-----------------------------------------------------------|----|
| 2.4   | Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral              | 46 |
| 2.5   | Elemen TMK dalam Pendidikan Moral                         | 53 |
| 2.6   | Kesepaduan Penaakulan Moral, Emosi Moral Dan Amalan Moral | 58 |
| 2.7   | Teori Konstruktivisme Vygotsky                            | 61 |
| 2.8   | Kajian Lepas Pembelajaran Teradun                         | 68 |
| 2.8.1 | Kesesuaian Pendekatan Dalam Pembelajaran Teradun          | 74 |
| 2.9   | Kelompokan                                                | 78 |
| 2.10  | Kesimpulan Bab                                            | 80 |

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

|       |                                            |     |
|-------|--------------------------------------------|-----|
| 3.1   | Pengenalan                                 | 81  |
| 3.2   | Reka Bentuk Kajian                         | 82  |
| 3.2   | Rakan Kolaborasi                           | 85  |
| 3.3   | Pemilihan Lokasi Kajian                    | 87  |
| 3.4   | Penentuan Peserta Kajian                   | 89  |
| 3.5   | Prosedur Kajian Tindakan                   | 92  |
| 3.6   | Pelaksanaan Kajian Tindakan                | 96  |
| 3.6.1 | Gelung Pertama                             | 96  |
| 3.6.2 | Gelung Kedua                               | 102 |
| 3.6.3 | Gelung Ketiga                              | 109 |
| 3.7   | Instrumen Kajian                           | 113 |
| 3.7.1 | Protokol temu bual kumpulan fokus (FGD)    | 115 |
| 3.7.2 | Protokol Pemerhatian di dalam bilik darjah | 117 |
| 3.7.3 | Protokol Penulisan Jurnal                  | 117 |
| 3.8   | Kaedah pengumpulan Data                    | 119 |
| 3.8.1 | Teknik Temu Bual Kumpulan Fokus (FGD)      | 119 |



|        |                               |     |
|--------|-------------------------------|-----|
| 3.8.2  | Teknik Pemerhatian            | 122 |
| 3.8.3  | Penulisan Jurnal              | 123 |
| 3.8.4  | Bahan audiovisual             | 124 |
| 3.9    | Penyaringan Data              | 125 |
| 3.9.1  | Pengekodan Data               | 126 |
| 3.9.2  | Penghasilan tema dan kategori | 127 |
| 3.10   | Analisis Data                 | 128 |
| 3.11   | Kesahan dan Kebolehpercayaan  | 131 |
| 3.11.1 | Triangulasi                   | 132 |
| 3.11.2 | Penilaian Pakar               | 133 |
| 3.11.3 | Penelitian rakan sebaya       | 135 |
| 3.11.4 | Jejak audit                   | 136 |
| 3.12   | Etika Penyelidikan            | 137 |
| 3.13   | Kesimpulan Bab                | 139 |

## **BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN**

|         |                                  |     |
|---------|----------------------------------|-----|
| 4.1     | Pengenalan                       | 140 |
| 4.2     | Perkembangan Penaakulan Moral    | 142 |
| 4.2.1   | Tema 1: Pertimbangan Moral       | 144 |
|         | 4.2.1.1 Pentafsiran Situasi      | 145 |
|         | 4.2.1.2 Kerasionalan             | 149 |
|         | 4.2.1.3 Tingkah laku terkawal    | 153 |
| 4.2.2   | Tema 2: Pemikiran Munasabah      | 155 |
| 4.2.2.1 | Pemahaman isu moral              | 156 |
|         | 4.2.2.2 Menghitung Sebab Musabab | 159 |
|         | 4.2.2.3 Strategi Penyelesaian    | 161 |



|         |                                               |     |
|---------|-----------------------------------------------|-----|
| 4.2.3   | Tema 3: Sebab Musabab Terhadap Pilihan        | 164 |
| 4.2.3.1 | Kewajaran Tindakan                            | 166 |
| 4.2.3.2 | Pilihan Tindakan                              | 168 |
| 4.3     | Perkembangan Emosi Moral                      | 170 |
| 4.3.1   | Tema 4: Kewujudan Pelbagai Perasaan sendiri   | 173 |
| 4.3.1.1 | Simpati                                       | 175 |
| 4.3.1.2 | Rasional                                      | 177 |
| 4.3.1.3 | Bangga                                        | 180 |
| 4.3.1.4 | Gembira                                       | 183 |
| 4.3.1.5 | Empati                                        | 186 |
| 4.3.2   | Tema 5: Kepekaan terhadap perasaan orang lain | 187 |
| 4.3.2.1 | Prihatin                                      | 189 |
| 4.3.2.2 | Belas Kasihan                                 | 191 |
| 4.3.2.3 | Peka                                          | 193 |
| 4.4     | Perkembangan Amalan Moral                     | 194 |
| 4.4.1   | Tema 6: Membentuk sikap hormat-menghormati    | 197 |
| 4.4.1.1 | Meminta maaf                                  | 199 |
| 4.4.1.2 | Hak Privasi                                   | 200 |
| 4.4.2   | Tema 7: Menanam Sikap Berterima Kasih         | 202 |
| 4.4.2.1 | Bersopan santun                               | 204 |
| 4.4.2.2 | Menghargai                                    | 205 |
| 4.4.3   | Tema 8: Memupuk semangat bertanggungjawab     | 208 |
| 4.4.3.1 | Tolong-menolong                               | 211 |
| 4.4.3.2 | Berkerja Bersama-sama                         | 212 |
| 4.5     | Kesimpulan Bab                                | 214 |



**BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

|       |                                              |     |
|-------|----------------------------------------------|-----|
| 5.1   | Pengenalan                                   | 216 |
| 5.2   | Perbincangan Dapatan Kajian 1                | 217 |
| 5.2.1 | Pertimbangan Moral                           | 218 |
| 5.2.2 | Sebab Musabab Terhadap Pilihan               | 221 |
| 5.2.3 | Pemikiran Munasabah                          | 224 |
| 5.3   | Perbincangan Dapatan Kajian 2                | 227 |
| 5.3.1 | Kewujudan Pelbagai Perasaan Kendiri          | 228 |
| 5.3.2 | Kepekaan Terhadap Perasaan Orang Lain        | 230 |
| 5.4   | Perbincangan Dapatan Kajian 3                | 232 |
| 5.4.1 | Membentuk Sikap Hormat-menghormati           | 232 |
| 5.4.2 | Menanam Sikap Berterima Kasih                | 235 |
| 5.4.3 | Memupuk Semangat Bertanggungjawab            | 237 |
| 5.5   | Cabaran yang dihadapi                        | 240 |
| 5.5.1 | Gaya dan budaya pembelajaran                 | 240 |
| 5.5.2 | Faktor bahasa                                | 241 |
| 5.5.3 | Pertembungan dengan aktiviti rasmi sekolah   | 242 |
| 5.6   | Implikasi Kajian                             | 244 |
| 5.6.1 | Implikasi terhadap matlamat Pendidikan Moral | 244 |
| 5.6.2 | Implikasi terhadap iklim pembelajaran        | 245 |
| 5.6.3 | Implikasi terhadap amalan pedagogi           | 247 |
| 5.6.4 | Implikasi terhadap murid                     | 249 |
| 5.7   | Cadangan Kajian Lanjutan                     | 251 |
| 5.8   | Kesimpulan Bab                               | 254 |

**RUJUKAN**

256





## SENARAI JADUAL

| No. Jadual |                            | Muka Surat |
|------------|----------------------------|------------|
| 3.1        | Demografi Rakan Kolaborasi | 85         |
| 3.3        | Bilangan Peserta Kajian    | 90         |



## SENARAI RAJAH

| No. Rajah                                                 | Muka Surat |
|-----------------------------------------------------------|------------|
| 1.1 Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah            | 11         |
| 1.2 Kerangka Konsep                                       | 29         |
| 2.1 Teori Konstruktivisme Vygotsky                        | 68         |
| 2.2 Pendekatan Pembelajaran Teradun                       | 77         |
| 3.2 Pasukan Kolaborasi dalam Kajian Tindakan              | 87         |
| 3.4 Model Kajian Tindakan                                 | 95         |
| 3.5 Gelung Pertama Kajian Tindakan                        | 96         |
| 3.6 Gelung Kedua Kajian Tindakan                          | 102        |
| 3.7 Gelung Ketiga Kajian Tindakan                         | 109        |
| 3.8 Kaedah Analisis Tema                                  | 130        |
| 4.1 Proses Perkembangan Penaakulan Moral                  | 143        |
| 4.2 Ciri-ciri dalam Proses Pertimbangan Moral             | 145        |
| 4.3 Ciri-ciri dalam proses pemikiran munasabah            | 156        |
| 4.4 Ciri-ciri dalam proses sebab musabab terhadap pilihan | 165        |
| 4.5 Perkembangan Emosi Moral                              | 172        |
| 4.6 Perkembangan Pelbagai Perasaan Kendiri                | 174        |
| 4.7 Kepekaan kepada perasaan orang lain                   | 188        |
| 4.8 Perkembangan amalan moral peserta kajian              | 196        |

|      |                                                 |     |
|------|-------------------------------------------------|-----|
| 4.9  | Amalan moral membentuk sikap hormat menghormati | 198 |
| 4.10 | Amalan moral menanam sikap berterima kasih      | 203 |
| 4.11 | Amalan moral memupuk semangat bertanggungjawab  | 210 |



## SENARAI SINGKATAN

|        |                                                  |
|--------|--------------------------------------------------|
| 4M     | Menulis, Membaca, Mengira, Menaakul              |
| BPPP   | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan |
| DSKP   | Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran       |
| FGD    | Temu bual Kumpulan Fokus                         |
| INTAN  | Institut Tadbir Awam Negara                      |
| JERIS  | Jasmani, Emosi, Rohani, Intelekt, Sosial         |
| KBAT   | Kemahiran Berfikir Aras Tinggi                   |
| KPM    | Kementerian Pelajaran Malaysia                   |
| KSSR   | Kurikulum Standard Sekolah Rendah                |
| PAK-21 | Pembelajaran Abad Ke 21                          |
| PdP    | Pengajaran dan pembelajaran                      |
| PdPc   | Pengajaran dan Pemudahcaraan                     |
| PPPM   | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia            |
| RPH    | Rancangan Pelajaran Harian                       |
| TMK    | Teknologi Maklumat dan Komunikasi                |
| ZPD    | Zon Perkembangan Proksimal                       |





## SENARAI LAMPIRAN

- A Rancangan Pelajaran Harian 1
- B Rancangan Pelajaran Harian 2
- C Rancangan Pelajaran Harian 3
- D Jadual Waktu Sesi Pagi Tahun 4
- E1 Protokol Temu bual
- E2 Transkrip Temu bual
- F1 Protokol Pemerhatian Dalam Bilik Darjah
- F2 Laporan Pemerhatian Dalam Bilik Darjah
- G1 Protokol Penulisan Jurnal
- G2 Penulisan Jurnal Peserta
- H1 Proses Pengumpulan Data
- H2 Pengekodaan Sub tema dan Tema
- H3 Penghasilan Tema dan Sub tema tanpa proses penyingkiran
- H4 Penghasilan Tema dan Sub tema selepas proses penyingkiran
- H5 Data mengikut Tema dan Sub tema
- H6 Dapatan Kajian mengikut Tema dan Sub tema
- I Surat Kebenaran menjalankan kajian oleh ePRD
- J Surat Kebenaran menjalankan kajian oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
- K Surat Kebenaran menjalankan kajian oleh pihak sekolah





- L1 Surat Perlantikan Pakar 1 Pengesahan Kaedah Kualitatif
- L2 Surat Perlantikan Pakar 2 Pengesahan Kaedah Kualitatif
- M1 Surat Persetujuan menjadi Peserta Kajian
- M2 Borang Persetujuan menjadi Peserta Kajian
- N1 Surat Tawaran sebagai Rakan Kolaborasi
- N2 Borang Persetujuan sebagai Rakan Kolaborasi
- O Senarai Penerbitan



## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.1 Pendahuluan

Kemajuan sesebuah negara diukur dari segi kualiti sistem pendidikan yang dirangka oleh sesebuah negara itu. Semua negara bersaing untuk memajukan negara mengikut acuan sendiri. Pendidikan menjadi tonggak utama dalam pembangunan sebuah negara. Sesebuah negara mendepani dasar globalisasi, yang mana kemajuan negara perlu seiring dengan kemajuan ekonomi dan sistem pendidikan yang terkini. Mengikut Chin Chung Tsai (2017) sistem pendidikan di negara kita perlu perubahan drastik seiring dengan keperluan global. Dengan ini, sistem pendidikan negara menjadi landasan yang merupakan asas penting bagi membangunkan masyarakat dan negara ke arah yang lebih baik serta menjadi agen perubahan positif dalam membina sebuah negara yang sangat kompetitif dan berorientasikan masa depan.



Dengan ini, sistem pendidikan di Malaysia terus berkembang dan beradaptasi dengan perubahan zaman yang bertujuan untuk melahirkan golongan yang berpengetahuan, berketrampilan, serta mampu mendepani era globalisasi. Jelaslah, tujuan pendidikan adalah memfokuskan untuk melahirkan generasi yang mampu mendepani isu di masa akan datang di samping membentuk insan berpengetahuan (Ab. Halim & Nur Hanani, 2017). Sehubungan dengan itu, Pendidikan Moral berperanan penting dalam membentuk insan yang bukan sahaja berilmu pengetahuan, malah memiliki nilai-nilai murni serta keperibadian yang seimbang bertepatan dengan norma masyarakat di negara ini. Hal ini penting kerana penguasaan pengetahuan moral semata-mata tidak mencukupi sekiranya tidak dilengkapi dengan keupayaan murid untuk memahami, merasai, dan mengamalkan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian mereka.



Justeru itu, penerapan dimensi moral dalam Pendidikan Moral haruslah dilaksanakan secara holistik dan bersepadu agar murid bukan sahaja memahami konsep moral tetapi juga mampu menzahirkan nilai dalam tindakan yang diambil oleh mereka. Menurut Lickona (1991) pendidikan yang berkesan perlu memberikan tumpuan kepada pembentukan karakter yang mencakupi pemikiran moral, perasaan moral, dan tingkah laku moral. Maka, pelbagai usaha untuk memperkasakan pengajaran Pendidikan Moral perlu mengambil kira kaedah pedagogi yang mampu merangsang perkembangan dimensi moral murid secara menyeluruh dan kontekstual (DSKP Pendidikan Moral Tahun 4, 2018). Dimensi moral merangkumi aspek kognitif, emosi, dan tingkah laku yang saling berkaitan dalam membina kematangan moral seseorang individu (Narvaez, 2006). Dapat disimpulkan, penerapan dimensi moral dalam kalangan murid secara tidak langsung boleh menyumbang kepada





pembentukan masyarakat yang harmoni, bertanggungjawab, serta beretika tinggi dalam menghadapi pelbagai cabaran sosial masa kini dan juga masa akan datang.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam era digitalisasi pendidikan, pembelajaran dalam talian bukan sekadar alternatif tetapi menjadi keperluan bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanan pendidikan, khususnya dalam membangunkan modal insan yang berkemampuan berdaya saing dalam dunia global. Pernyataan ini disokong oleh kajian Nuradilah et al. (2020) yang berpendapat bahawa kemudahan Teknologi Maklumat Komunikasi memainkan peranan penting dalam menjayakan pelaksanaan proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) secara berkesan pada abad ke-21. Kaedah pengajaran secara tradisional yang terlalu bersifat satu hala dan berpusatkan guru dilihat semakin kurang relevan, khususnya dalam kalangan generasi digital yang memerlukan pendekatan lebih interaktif, fleksibel dan berpusatkan murid (C.L. Yee & Suziyani, 2021).

Salah satu kaedah pedagogi yang menjadi amalan warga pendidik ialah pembelajaran teradun (blended learning), iaitu gabungan antara pengajaran bersemuka dan secara dalam talian secara terancang serta sistematik (Nor Saadah & Nik Mohd Rahimi, 2022). Kaedah ini selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, khususnya Anjakan Ke-7, yang menekankan kepentingan memanfaatkan teknologi dan TMK untuk meningkatkan kualiti pembelajaran di semua peringkat persekolahan. Seterusnya, Gelombang 2 PPPM (2016–2020) yang memberikan penekanan terhadap transformasi pedagogi melalui inovasi dan





penggunaan teknologi yang berpusatkan murid. Bagi memastikan hasrat murni ini dicapai, PPPM turut menekankan pembangunan sahsiah dan nilai dalam kalangan murid sebagai asas kepada pembentukan insan seimbang dan beretika serta menekankan transformasi pembelajaran ke arah yang lebih fleksibel, berpusatkan murid, dan berteraskan teknologi. Dalam konteks ini, kaedah pembelajaran teradun diperkenalkan sebagai satu strategi pedagogi yang mampu menyokong keberkesanan PdP melalui penggabungan pembelajaran bersemuka dan digital, sejajar dengan keperluan abad ke-21 dan kemajuan teknologi yang pesat.

Dengan ini, pembelajaran teradun dalam Pendidikan Moral memberi peluang kepada murid untuk meneroka nilai-nilai murni secara mendalam melalui pelbagai medium dalam talian seperti simulasi, nota perbincangan, penilaian dalam talian serta aktiviti pengukuhan. Kaedah pembelajaran ini membantu murid memperkukuhkan dimensi moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan amalan moral secara lebih kontekstual dan berterusan. Oleh itu, pembelajaran teradun perlu dilihat bukan sekadar keperluan sementara akibat pandemik, tetapi sebagai strategi jangka panjang dalam memperkasa PdP Pendidikan Moral yang lebih inklusif, fleksibel dan bermakna. Kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan kaedah pembelajaran teradun dalam membentuk dimensi moral murid sekolah rendah secara menyeluruh, selaras dengan aspirasi pendidikan negara pasca pandemik dan ke arah pendidikan masa hadapan yang mampan.

Natijah daripada itu, kajian ini bertujuan meneroka dan mencadangkan kaedah pembelajaran teradun yang sesuai dalam Pendidikan Moral di peringkat sekolah rendah, dengan memberi tumpuan kepada penerapan dimensi moral secara efektif





dalam kalangan murid yang seterusnya dijadikan panduan dalam kehidupan mereka. Selain daripada itu, proses PdPc yang kreatif dan menyeronokkan dapat mengembangkan lagi minda murid untuk memproses maklumat yang diajar (Nordin et al., 2021). Bagi Chew dan Dewih Haris (2019) kaedah pengajaran secara konvensional yang menjadi amalan ditukarkan kepada kaedah pengajaran yang menarik dan bermakna serta terkini. Selaras dengan itu, gabungan kaedah bersemuka dan pembelajaran dalam talian seperti dalam model pembelajaran teradun, perlu diterokai oleh warga pendidik untuk memenuhi keperluan pedagogi abad ke-21 yang menuntut interaksi yang lebih fleksibel, inklusif, dan berkesan. Sesungguhnya, dapatan kajian ini adalah penting untuk melihat kekuatan terhadap pelaksanaan kaedah pembelajaran teradun dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di Sekolah Rendah yang dapat membantu murid menguasai dimensi moral berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Pendidikan Moral (DSKP).



### **1.3 Rasional Pembelajaran Teradun**

Pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja dapat memperkasa keberkesanan pedagogi tetapi juga mampu membawa perubahan penting dalam amalan pengajaran guru di semua peringkat persekolahan. Menurut Nur Aisyah dan Hazrati (2021) kecanggihan teknologi terbukti membantu melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran serta menjadi pemangkin kepada anjakan paradigma dalam profesion keguruan di negara ini seiring dengan kepesatan pembangunan negara. Kajian Donkor (2018) mendapati bahawa kompetensi guru dalam pengaplikasian teknologi merupakan elemen yang perlu menjadi amalan oleh





guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran. Oleh itu, penerapan teknologi dalam pembelajaran teradun bukan sahaja mempertingkatkan kemahiran guru dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), malah turut memberi impak yang positif terhadap perkembangan dimensi moral murid.

Di samping itu, pembelajaran teradun adalah satu kaedah pembelajaran yang dipraktikkan secara meluas oleh warga pendidik ekoran pandemik yang berlaku sekitar tahun 2020 di negara kita bahkan keberkesanannya semakin mendapat pengiktirafan pelbagai pihak, khususnya dalam kalangan pendidik yang melihatnya sebagai satu keperluan dalam amalan pengajaran masa kini. Untuk itu, penggunaan teknologi dan aplikasi digital bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan dalam penyampaian ilmu, malah memperkayakan strategi pengajaran dengan kaedah yang lebih menarik, interaktif dan berpusatkan murid, selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21 (Nurul Julia, 2021). Selaras dengan itu, pembelajaran teradun membolehkan murid mengakses pelbagai bahan pembelajaran secara dalam talian dan kebebasan untuk belajar di rumah (Nur Akalili & Nurfaradilla, 2021). Ini disokong oleh kajian Anthony et al. (2021) menjelaskan pembelajaran teradun membolehkan semua murid diraikan dan mendapat peluang yang sama rata untuk mencapai tahap optimum dalam pembelajaran mereka. Dengan demikian, tahap motivasi dalam kalangan murid untuk menguasai bidang pembelajaran meningkat ke tahap optimum.

Seterusnya, pembelajaran teradun dilihat selari dengan arus perkembangan teknologi digital masa kini serta memenuhi keperluan pedagogi moden yang menekankan fleksibiliti, keterlibatan aktif murid dan pembelajaran yang berpusatkan murid. Gabungan antara pengajaran bersemuka dan secara digital bukan sahaja





menjadikan proses PdPc lebih dinamik dan interaktif, malah turut memperkukuh penglibatan murid secara sendiri serta kolaboratif dalam sesi pembelajaran. Haug dan Mork (2021) penggunaan teknologi digital dalam sesi pembelajaran dapat meningkatkan penglibatan murid, memudahkan pemahaman konsep serta pengajaran yang inovatif dan berkesan. Untuk itu, pembelajaran teradun dilihat sebagai satu paradigma baharu dalam penyampaian pengetahuan kepada murid (Simah et al., 2021; Shamsiah & Sabir, 2018; Suzlina & Jamaludin, 2016).

Di samping itu, kaedah pembelajaran teradun mendorong guru untuk merancang dan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan kerana murid akan berusaha untuk mencari jawapan kepada persoalan yang diberikan oleh guru sama ada latihan bertulis, soal jawab mahupun aktiviti berkumpulan. Ini disokong oleh kajian Md Fadzil dan Zamri (2020) mendapati pedagogi pembelajaran teradun berpusatkan murid dan berintegrasikan teknologi terbukti keberkesanannya secara empirikal selain membolehkan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka di dalam bilik darjah dan seterusnya menjadi pilihan utama warga pendidik. Jelaslah, kajian oleh Li dan Wei (2018) di mana penggunaan kaedah pengajaran berbentuk multimedia terbukti mampu meningkatkan minat dalam kalangan murid dan kualiti pengajaran guru dapat ditingkatkan. Ini kerana pendekatan pembelajaran yang berpusatkan murid mampu memberi perhatian kepada murid yang lemah dan kualiti pembelajaran oleh guru dapat ditingkatkan (Nuurul Najwa, 2018; Hamimah & Marlina, 2017). Untuk itu, murid diberikan panduan untuk mencari jawapan kepada persoalan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Tambahan pula, pembelajaran teradun yang dipraktikkan oleh guru berupaya mewujudkan pembelajaran yang berkesan di mana murid digalakkan meneroka pembelajaran secara sendiri. Ini selari





dengan kajian Ugartini dan Zamri (2021) menyatakan pemilihan pelantar digital atau aplikasi yang sesuai dengan keperluan pedagogi adalah kunci kepada keberkesanan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dijalankan secara maya. Jelaslah bahawa, pembelajaran teradun merupakan satu pendekatan pedagogi yang semakin meningkat penggunaanya dalam landskap pendidikan global.

Dapat disimpulkan bahawa, pembelajaran teradun berupaya meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) melalui integrasi elemen pembelajaran secara bersemuka dan dalam talian. Kaedah ini membolehkan guru melaksanakan penyampaian kandungan yang lebih dinamik, interaktif serta bersifat kolaboratif, di samping memenuhi keperluan pembelajaran yang pelbagai dalam kalangan murid. Menurut Simah et al. (2021) pembelajaran teradun merupakan pendekatan yang mengintegrasikan elemen pembelajaran dalam talian dengan sesi bersemuka di dalam bilik darjah bagi mewujudkan sesi pembelajaran yang lebih menarik, tersusun dan efektif. Gabungan ini dilihat mampu meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) serta membantu pencapaian objektif pembelajaran secara lebih holistik. Ini turut disokong oleh kajian Jaggil dan Muhamad Suhaimi (2018) di mana penggunaan TMK dapat menjana satu persekitaran pembelajaran kreatif dan kondusif yang mampu mengubah proses pengajaran dan pembelajaran. Tambahan pula, pembelajaran teradun berperanan dalam memperkukuh motivasi dan autonomi murid dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih fleksibel dan pendekatan yang berpusatkan murid. Sehubungan dengan itu, pendekatan ini diramalkan menjadi salah satu strategi pedagogi utama pada masa hadapan selaras dengan perkembangan teknologi digital





serta perubahan tuntutan dalam sistem pendidikan global (Norazlin & Siti Rahaimah, 2019).

#### 1.4 Kurikulum Pendidikan Moral Sekolah Rendah

Pendidikan Moral di Malaysia diajar sebagai satu mata pelajaran teras (di peringkat sekolah rendah dan menengah) untuk murid bukan beragama Islam seperti murid daripada kaum Cina, India, Orang Asli, Iban serta Kadazandusun (Vishalache, 2011; Chang, 2003). Matlamat sistem pendidikan di seluruh dunia bertujuan untuk mempersiapkan murid bagi menghadapi cabaran yang semakin mencabar pada abad ke-21, terutama melalui penguasaan kemahiran dalam kurikulum. Justru itu, Pendidikan Moral di sekolah rendah Malaysia merupakan asas penting dalam pembangunan moral dan nilai dalam kalangan murid. Maka, melalui pendekatan yang terancang dan menyeluruh oleh guru, murid diharapkan dapat menghayati nilai-nilai moral secara mendalam, sekali gus membentuk keperibadian yang beretika, bertanggungjawab dan mampu berinteraksi secara harmoni dalam masyarakat (KPM, 2017).

Dengan ini, Kurikulum Standard Sekolah Rendah Semakan 2017 digubal bagi menggantikan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang lama dengan penambahbaikan meliputi beberapa elemen dan aspek bagi semua mata pelajaran (Nur Athirah & Mohd Zaharuddin, 2022). Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) terdapat enam tunjang utama: Komunikasi; Kerohanian; Sikap dan Nilai Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan






Teknologi, yang didasari oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala, konsep tunjang dalam KSSR pula dibahagikan kepada tiga cabang utama iaitu bidang ilmu, kemahiran, dan nilai. Ia berfokus kepada pembentukan modal insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Untuk itu, kurikulum ini digubal dengan menumpukan kepada pemupukan kerohanian dan moraliti melalui penerapan 14 nilai universal melalui pelbagai tema dan topik yang disusun dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disampaikan melalui pengajaran langsung dan juga ditunjukkan melalui tingkah laku serta situasi harian yang dialami murid (KPM, 2018). Sesungguhnya, kesepaduan pelbagai elemen dibentuk bertujuan membangunkan modal insan bagi menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, di samping memiliki pengetahuan yang luas, keterampilan, serta mampu berfikir secara kritis, kreatif, dan inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1.1.



## Rajah 1.1

### Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah



Sumber. KSSR Pendidikan Moral Tahun 4 (2018)

Secara keseluruhannya, pelaksanaan KSSR merupakan usaha yang berterusan untuk mentransformasikan pendidikan sekolah dengan menyatupadukan pelbagai cabang ilmu bagi menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, menyeronokkan dan bermakna bagi semua golongan murid (KSSR Pendidikan Moral Tahun 4, 2018). Dengan demikian, penerapan dimensi moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam kalangan murid sekolah rendah adalah



fokus utama untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (DSKP, Pendidikan Moral, 2018).

### 1.5 Pernyataan Masalah

Dunia Pendidikan melalui fasa perubahan yang drastik dari pelbagai sudut yang melibatkan pelbagai golongan sama ada di peringkat atasan mahu pun peringkat pelaksana iaitu warga pendidik. Maka, kaedah pengajaran dan pembelajaran termasuklah kaedah penilaian terkini perlu dilaksanakan dengan jayanya mengikut garis panduan yang telah ditetapkan bagi melahirkan impak positif kepada keberhasilan murid dan seterusnya menyediakan murid bagi menghadapi cabaran global pada abad ke-21 ini (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, KPM 2013).

Sehubungan dengan itu, kepentingan transformasi perlu disambut baik oleh warga pendidik yang menjadi indikator penting dalam menilai pencapaian aspirasi negara melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) bahawa guru berperanan sebagai agen bagi membantu meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia dari semasa ke semasa (Mohd Aizat & Kamarudin, 2020). Untuk itu, peranan guru sepertimana yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2016a) iaitu guru harus berusaha untuk mengetahui dan memahami kurikulum yang telah dibangunkan oleh penggubal (Bowers, 2016). Menurut Fryer dan Vermunt (2018) kepelbagaian konteks pembelajaran berbeza akan mempengaruhi strategi



pembelajaran yang boleh diadaptasi oleh murid, bergantung kepada perkembangan yang berlaku sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya, ketiadaan peranan aktif guru dalam membimbing dan memupuk nilai moral boleh menjadi penghalang kepada pencapaian matlamat Pendidikan Moral. Ini menjadi penting untuk memastikan murid memiliki peluang yang luas dalam menyesuaikan diri dengan budaya, mengembangkan pemikiran analitikal, dan memperbaiki kemahiran komunikasi dalam kehidupan bermasyarakat (Li, 2024).

Sebaliknya, dapatan kajian lepas masih wujud kelompongan dalam mencapai objektif utama kurikulum, iaitu melahirkan insan yang berakhlak mulia melalui kesepaduan antara emosi moral, penaaakulan moral dan amalan moral dalam kalangan murid. Kelompongan ini dilihat terutamanya dalam aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, amalan pengajaran dan pembelajaran, serta amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam mata pelajaran Pendidikan Moral.

### 1.5.1 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran

Pedagogi merupakan asas untuk mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru, meliputi aspek prinsip, kaedah, strategi, pendekatan, teknik, dan proses pengajaran. Vishalache dan Supramani (2014) mendapati guru Pendidikan moral telah mengaplikasikan pelbagai metodologi, dan teknik dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk mewujudkan sesi pembelajaran yang menarik serta bermakna. Namun begitu, dapatan daripada kajian lepas menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran yang diamalkan oleh sebahagian guru masih kurang berkesan



dalam menarik minat murid, khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Hal ini disebabkan oleh kecenderungan guru untuk terus mengamalkan kaedah konvensional berasaskan hafalan, tanpa memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi dan pendekatan interaktif dalam pengajaran. Pendekatan sedemikian bukan sahaja membataskan penglibatan murid secara aktif, malah menjejaskan keberkesanan dalam usaha menerapkan nilai-nilai moral secara mendalam dan kontekstual.

Permasalahan di atas ketara dalam kalangan guru novis iaitu guru yang berada pada fasa awal kerjaya dan masih dalam proses menyesuaikan diri dengan tugas profesional, penguasaan pedagogi, pengurusan bilik darjah serta keperluan persekitaran sekolah. Dapatan kajian oleh Thambu, N. (2024) menunjukkan bahawa guru-guru novis masih memerlukan sokongan berterusan untuk meningkatkan kompetensi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral khususnya dari aspek sikap profesional, pengetahuan kandungan pedagogi, strategi pengajaran, pengurusan murid serta penyesuaian terhadap persekitaran sekolah yang kurang kondusif. Dengan ini, sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi kurang menarik dan membosankan serta kurang memenuhi isi kandungan pembelajaran yang terkandung dalam DSKP.

Seterusnya, kajian Bawani (2022) mendapati masih terdapat guru Pendidikan Moral yang mengamalkan kaedah konvensional semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Akibat daripada amalan ini, murid menjadi pasif dan cepat berasa bosan dalam sesi pembelajaran kerana berlakunya komunikasi sehalu antara guru dan murid di mana kaedah ceramah dipraktikkan oleh guru. Maka, murid tidak berpeluang untuk memberikan pandangan serta idea tentang apa yang dipelajarinya. Selain itu,





terdapat juga segelintir guru yang mengamalkan kaedah menyalin nota dalam sesi pembelajaran, yang menyebabkan kebergantungan murid sepenuhnya pada guru. Pada akhirnya, murid gagal menguasai dimensi moral dengan jayanya disebabkan amalan guru yang kurang aktif serta membosankan.

Kajian Abdul et al. (2019) mendapati bahawa sebahagian guru masih mengamalkan pendekatan pengajaran tradisional berasaskan 'chalk and talk' yang membosankan serta tidak melibatkan murid secara aktif. Akibatnya, murid kurang memberi tumpuan, tidak berpeluang meluahkan idea, dan gagal menghubungkan nilai moral dengan kehidupan sebenar. Situasi ini memberi kesan negatif terhadap penguasaan nilai moral dan seterusnya menurunkan tahap motivasi murid untuk mempelajari Pendidikan Moral. Oleh itu, isu ini menuntut intervensi pedagogi yang lebih menarik, interaktif, dan berpusatkan murid bagi memastikan pengajaran nilai moral menjadi lebih bermakna dan berkesan.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah rendah, salah satu isu utama yang dikenal psati adalah penggunaan teknologi dalam proses pengajaran berkurangan dalam kalangan guru. Hal ini antara lain disebabkan oleh pelaksanaan kelas gabungan antara Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam, yang seringkali dijalankan secara serentak. Kelas gabungan ini bertujuan untuk menyelaraskan waktu pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) serta mengurangkan keperluan tenaga pengajar yang lebih ramai dalam satu-satu sesi pembelajaran. Oleh demikian, kekangan ini telah membatasi penggunaan teknologi dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran Pendidikan Moral, yang sepatutnya dimanfaatkan untuk memperkaya pengalaman pembelajaran murid melalui sesi pembelajaran yang





menarik. Kajian oleh Suppiah et al. (2017) mendapati kelas bergabung yang dilaksanakan di sekolah adalah disebabkan masalah kekurangan bilik darjah untuk menjalankan aktiviti PdPc Pendidikan Moral di bilik darjah. Secara tidak langsung, guru mengamalkan kaedah konvensional dengan mengulangi dan mengajar nilai atau kemahiran yang sama setiap tahun kepada murid. Kesannya, murid berasa bosan dan kurang memberikan perhatian atau tumpuan semasa guru mengajar serta menganggap bahawa mata pelajaran Pendidikan Moral tidak penting. Hal ini seterusnya, mengakibatkan kegagalan dalam penerapan dimensi moral dalam kalangan murid, yang juga turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya iklim bilik darjah, pengaruh rakan sebaya, serta sokongan ibu bapa, yang kesemuanya merupakan elemen penting dalam ekosistem pembelajaran murid bagi mencapai hasrat sepertimana yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara, dan juga Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Pendidikan Moral Sekolah Renda.



### 1.5.2 Amalan Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam era globalisasi yang serba canggih dan tanpa sempadan ini, pendekatan pengajaran yang inovatif dan kreatif menjadi keperluan penting dalam memastikan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna kepada murid. Kepelbagaian kaedah pengajaran bukan sahaja membolehkan guru merancang PdPc yang lebih dinamik dan menarik, malah berupaya merangsang pemikiran kritis, meningkatkan penglibatan aktif murid serta memperkukuh kefahaman mereka terhadap nilai moral dalam konteks kehidupan sebenar. Penerapan pendekatan pengajaran yang berkesan membolehkan murid memahami nilai moral dengan mendalam dan mengamalkannya





secara konsisten. Dengan peluang untuk meneroka, berfikir kritis, dan merefleksi tindakan, pembelajaran bukan sahaja menambah pengetahuan, tetapi juga membentuk sahsiah dan tingkah laku positif, seterusnya melahirkan individu berdisiplin, berakhlak mulia dan bertanggungjawab serta menyokong keharmonian masyarakat.

Walau bagaimanapun, kajian terdahulu menunjukkan bahawa amalan pengajaran Pendidikan Moral masih berdepan dengan pelbagai cabaran. Kajian oleh Thambu, N. (2024) terhadap guru-guru novis Pendidikan Moral menunjukkan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan masih terhad, dan kurang kreatif kerana kebergantungan kepada nota dan buku teks tanpa huraian yang jelas menyebabkan proses pengajaran Pendidikan Moral kurang berkesan, dan menyukarkan murid memahami serta menghayati nilai yang dipelajari. Tambahan pula, guru ini hanya mengambil fakta-fakta moral dan dibentangkan kepada murid dalam bentuk nota power point sahaja tanpa menggunakan bahan-bahan tambahan daripada sumber-sumber lain sebagai bahan sokongan untuk menjelaskan fakta yang ada dalam buku teks secara kreatif dan inovatif. Kajian oleh Thambu et al. (2021) menjelaskan amalan pengajaran yang bersifat rutin iaitu kekurangan bahan bantu mengajar yang terkini, kreatif dan inovatif berpotensi membataskan penglibatan aktif murid, seterusnya menghalang perkembangan pemikiran moral, kemahiran berfikir aras tinggi serta penghayatan nilai moral secara mendalam

Selain itu, kajian lepas mendapati bahawa sebahagian guru masih kurang menguasai kemahiran teknologi yang diperlukan untuk merancang dan melaksanakan sesi PdPc yang lebih menarik serta berkesan. Kekurangan kemahiran ini membatasi kemampuan guru untuk menghasilkan bahan bantu mengajar yang lebih inovatif dan





interaktif, seperti alat bantu mengajar berasaskan teknologi, yang seharusnya dapat membantu murid secara maksimum dalam menguasai kemahiran baharu dengan lebih efektif. Hal ini menyebabkan sesi pengajaran yang dilaksanakan masih secara konvensional, di mana bahan bantu mengajar yang digunakan adalah minimum, seperti buku teks dan papan putih, tanpa memperkenalkan elemen teknologi yang dapat memperkaya pengalaman pembelajaran serta meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pemahaman murid (Ajit et al., 2022). Kajian oleh Ravendran dan Daud (2020) mendapati bahawa guru yang tidak menguasai pelbagai kemahiran teknologi untuk menyediakan semua keperluan dalam sesi pembelajaran yang mengakibatkan menjadi kaku dan kurang berkesan. Dengan demikian, tahap motivasi guru menurun dalam mengintegrasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam sesi pengajaran adalah disebabkan oleh kekurangan pengetahuan dan kemahiran berkaitan TMK, keterbatasan peralatan yang tersedia, masa yang terhad, serta kekurangan bimbingan daripada pakar dalam bidang tersebut (Moralista & Oducado, 2020).

Kajian oleh Chander et al. (2019) menjelaskan bahawa pendekatan domain merupakan strategi yang holistik serta berkesan dalam memupuk penaaakulan dan pemikiran moral dalam kalangan murid. Implikasi positif daripada kajian ini menunjukkan bahawa pedagogi Pendidikan Moral memerlukan guru untuk menjadi lebih kreatif dan proaktif dalam merancang serta melaksanakan sesi pengajaran yang dapat menarik minat murid, sekaligus meningkatkan pemahaman dan pengamalan nilai moral dalam kehidupan seharian mereka. Ini selaras dengan kajian oleh Wijayanti et al. (2019) yang mendapati bahawa penggunaan alat bantu mengajar berasaskan teknologi dalam sesi pembelajaran dapat mempertingkatkan keberkesanan





PdPc. Jelaslah, integrasi teknologi dalam bilik darjah bukan sahaja memudahkan penyampaian maklumat, tetapi juga dapat meningkatkan interaksi serta motivasi murid, sekali gus menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Dengan kekangan ini, bukan sahaja dapat menghalang perkembangan kompetensi moral murid, malah turut menjejaskan keberkesanan proses pembelajaran dalam menghayati dan menerapkan nilai-nilai moral yang menjadi teras utama Pendidikan Moral di peringkat sekolah rendah.

Secara keseluruhan faktor-faktor di atas menyumbang kepada rendahnya tahap motivasi guru untuk memanfaatkan TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran, seterusnya menjejaskan keberkesanan dalam meningkatkan kualiti pendidikan. Kesannya, penguasaan nilai-nilai moral dalam kalangan murid tidak dicapai dengan lebih bermakna, walhal ia sepatutnya dikuasai oleh murid daripada pelbagai sumber berbantuan teknologi. Dapat disimpulkan, kebergantungan guru Pendidikan Moral sepenuhnya kepada buku teks sebagai bahan bantu mengajar utama, tanpa inisiatif untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan penggunaan bahan bantu belajar yang berasaskan teknologi, boleh memberi implikasi negatif terhadap penguasaan dimensi moral dalam kalangan murid.

### **1.5.3 Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK 21)**

Bagi menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan modal insan yang mempunyai daya pemikiran yang mampu menangani cabaran global, maka KPM menekankan kemahiran abad ke-21 dalam sistem pendidikan negara (Sumber:





<https://anyflip.com/qqfu/zmlg>). Pendekatan ini menekankan elemen-elemen seperti pemikiran kritis, kolaborasi, komunikasi, dan kreativiti bagi memastikan keberkesanan pembelajaran serta kebolehan murid untuk beradaptasi dengan tuntutan dunia yang semakin mencabar. Haug dan Mork (2021) menjelaskan bahawa guru yang melaksanakan PAK-21 dapat melahirkan murid berpengetahuan luas dalam pelbagai sudut dan berjaya menyelesaikan masalah yang kompleks dengan kemahiran yang sesuai. Dalam konteks Modul Pembelajaran Abad ke-21, terdapat beberapa kemahiran yang penting untuk diamalkan oleh guru bagi memastikan murid bersedia menghadapi cabaran masa depan dengan berkeyakinan. Kemahiran-kemahiran ini termasuk:

- i. Kemahiran 4C (pemikiran kreatif, komunikasi, kerjasama, kreatif ),
- ii. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), dan
- iii. Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi

Selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam proses pengajaran merupakan satu keperluan bagi membantu murid-murid menguasai pemahaman terhadap konsep-konsep yang kompleks. Selain daripada itu, KBAT juga turut berperanan dalam membimbing murid menyelesaikan masalah yang rumit secara kreatif dan inovatif, di samping menggalakkan penghasilan idea-idea baharu yang dapat diaplikasikan bukan sahaja dalam situasi pembelajaran tetapi juga dalam konteks kehidupan seharian mereka. Oleh itu, penguasaan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) adalah penting untuk kejayaan akademik mahupun kehidupan (Hadi et al., 2018).





Walau bagaimanapun, masih terdapat dalam kalangan guru Pendidikan Moral yang menghadapi kekangan, khususnya berkaitan dengan kekurangan bahan rujukan atas talian yang relevan dan berkualiti serta kurang bertepatan dengan kandungan kurikulum Pendidikan Moral. Keadaan ini memerlukan guru untuk mengambil inisiatif tambahan dengan menyediakan sendiri bahan-bahan pembelajaran seperti video pengajaran atau slaid pembentangan yang boleh diakses secara dalam talian oleh murid. Kajian oleh Nurul Azwani dan Bee Piang (2022) menjelaskan bahawa guru Pendidikan Moral masih berdepan dengan cabaran dalam melaksanakan PdPc secara dalam talian disebabkan oleh isu capaian internet, kurang mendapat kerjasama daripada ibu bapa, serta tahap kemahiran guru dalam penguasaan teknologi. Situasi ini menjejaskan keberkesanan penyampaian nilai moral oleh guru apabila bahan pengajaran kurang menarik, tidak sesuai dengan kecerdasan murid, dan sukar difahami. Akibatnya, murid sukar memahami dan menghayati nilai yang diajar, lalu menyukarkan mereka untuk mengamalkannya dalam kehidupan harian.

Seterusnya, elemen KBAT kurang dipraktikkan oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Moral. Keadaan ini menyebabkan murid kurang aktif dalam pembelajaran dan hanya mendengar tanpa berfikir secara mendalam. Akibatnya, mereka hanya menghafal isi pelajaran tanpa benar-benar memahami atau mengaitkannya dengan kehidupan sebenar. Ini menyukarkan perkembangan kemahiran berfikir kritis dalam kalangan murid (Mohd Yusoff et al., 2022). Selain daripada itu, teknik pengajaran secara naratif atau bercerita dalam Pendidikan Moral juga turut dijadikan amalan semasa sesi pengajaran. Kajian oleh Nadarajan et al. (2018) mendapati teknik pengajaran bercerita menjadikan murid bosan dan tidak menumpukan perhatian kepada pengajaran guru. Kesan daripada amalan pengajaran





yang tidak berpusatkan murid dan kurang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) mengakibatkan murid kurang terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Ini kerana murid hanya menerima maklumat secara sehalu tanpa peluang untuk berfikir secara mendalam, berinteraksi, atau mengaitkan nilai yang diajar dengan pengalaman hidup mereka. Hal ini bukan sahaja menjejaskan pemahaman murid terhadap konsep moral, malah menghalang perkembangan dimensi moral yang amat penting dalam pembentukan sahsiah. Ini menyumbang kepada kegagalan dalam mencapai hasrat Kurikulum Pendidikan Moral yang bertujuan untuk membentuk insan yang mulia.

Pada masa kini, masih terdapat kekurangan kerangka teori yang kukuh bagi membimbing guru dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran yang lebih kondusif, khususnya dalam integrasi teknologi dan penerapan elemen Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di peringkat sekolah rendah. Ini menyukarkan guru untuk merancang strategi pedagogi yang berkesan, sekali gus menjejaskan usaha dalam merangsang KBAT dalam kalangan murid dan seterusnya kegagalan guru dalam menjadikan PAK 21 sebagai amalan dalam sesi pembelajaran. Kajian lepas mendapati tahap penggunaan internet dan pendedahan guru terhadap pelbagai aplikasi pembelajaran dalam talian adalah tinggi, namun pemahaman guru terhadap konsep sebenar pembelajaran teradun masih berada pada tahap sederhana. Hal ini menyebabkan pelaksanaan pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah masih belum menyeluruh dan kurang berkesan (Simah et al., 2021; Shamsiah & Sabir, 2018; Suzlina & Jamaludin, 2016). Keadaan ini menyekat perkembangan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan murid kerana pengajaran masih bersifat tradisional dan tidak bersifat



interaktif. Kelemahan ini juga memberi kesan terhadap keberkesanan penyampaian nilai-nilai moral, yang seharusnya disampaikan secara kontekstual serta menarik agar mudah difahami, dan dihayati oleh murid.

Natijah daripada permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, amalan pedagogi serta penerapan amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK 21) menunjukkan bahawa masih wujud jurang antara dasar yang digariskan dengan realiti pelaksanaannya di bilik darjah dalam mata Pelajaran Pendidikan Moral. Ini memberikan kesan yang ketara apabila berlaku peningkatan kes disiplin di sekolah, terutama di negeri Selangor, negeri Johor, dan juga Negeri Sembilan. Dalam kajian ini, faktor peningkatan kes disiplin adalah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya dan kegagalan dalam pembelajaran (Nurul Halifah, 2022). Manakala, *Laporan theasiaparent.com* pula mendapati faktor utama berlakunya peningkatan kes disiplin di peringkat sekolah ialah kelemahan diri murid itu sendiri di mana pengamalan nilai-nilai murni kurang dihayati dan akhirnya mudah terpengaruh dengan rakan sebaya untuk melakukan perbuatan negatif. Tambahan pula, kekangan pengetahuan guru, keterbatasan kemahiran mengintegrasikan teknologi serta kurangnya kreativiti dalam memilih strategi pengajaran turut menjejaskan keberkesanan Pendidikan Moral dalam membentuk sahsiah murid secara holistik. Walaupun pelbagai inisiatif dan kurikulum telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, hakikatnya masih terdapat cabaran dari segi adaptasi guru terhadap pendekatan inovatif, keupayaan mengurus bilik darjah yang pelbagai, serta keselarasan antara teori dan praktis. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mencari kaedah alternatif yang lebih efektif, iaitu melalui pelaksanaan pembelajaran teradun yang berpotensi menyokong keperluan





murid, memperkukuh amalan pedagogi guru, serta menyepadukan prinsip PAK 21 agar matlamat Pendidikan Moral dapat dicapai dengan lebih bermakna.

## 1.6 Objektif Kajian

- i. Meneroka perkembangan penaaakulan moral dalam Pembelajaran Teradun murid sekolah rendah.
- ii. Mengkaji potensi Pembelajaran Teradun dalam mengembangkan emosi moral murid sekolah rendah.
- iii. Mengggalurkan perkembangan amalan moral murid sekolah rendah dalam Pembelajaran Teradun.



## 1.7 Persoalan Kajian

- i. Sejauh manakah Pembelajaran Teradun dapat mengembangkan penaaakulan moral dalam kalangan murid sekolah rendah?
- ii. Sejauh manakah Pembelajaran Teradun dapat mengembangkan emosi moral dalam kalangan murid sekolah rendah?
- iii. Sejauh manakah Pembelajaran Teradun dapat mengembangkan amalan moral dalam kalangan murid sekolah rendah?





## 1.8 Skop Kajian

Skop kajian merangkumi pelbagai aspek bertujuan memastikan pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral yang bermula di sekolah rendah berjalan dengan berkesan dan menyeluruh bagi mencapai hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia melalui dasar yang telah digubal.

### 1.8.1 Strategi Pengajaran

Menilai strategi pengajaran yang berkesan untuk memudahkan pemahaman konsep moral dan penguasaan dimensi moral dalam kalangan murid sekolah rendah seperti yang terkandung dalam DSKP Pendidikan Moral. Aktiviti yang digunakan adalah perbincangan kumpulan, simulasi, main peranan, penilaian dalam talian, dan teknologi pembelajaran yang akan melalui proses pengajaran dan pemudahcaraan yang bermakna, dan kondusif, serta adil kepada semua murid.

### 1.8.2 Kurikulum Pendidikan Moral

Mengkaji keberkesanan kurikulum Pendidikan Moral untuk memastikan integrasi antara nilai moral dengan mata pelajaran lain, serta relevansi dan kelestarian kurikulum.





### 1.8.3 Penilaian Pembelajaran Moral

Mengaplikasikan alat penilaian yang sesuai untuk mengukur perkembangan moral murid termasuk aspek kognitif, afektif, dan tingkah laku. Aplikasi Kahoot, Quizizz, Wordwall, dan peta pemikiran digunakan untuk mencapai objektif pembelajaran serta dapat menarik minat murid, dan guru dapat menilai keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah pembelajaran teradun.

### 1.8.4 Pendidik dan Etika Perguruan

Mengkaji peranan pendidik dalam pembelajaran moral, termasuk penglibatan peribadi mereka dalam nilai moral, etika pengajaran, dan pembangunan profesional dalam konteks moral. Selain itu, kaedah penerapan nilai moral dalam kalangan murid-murid turut dikaji untuk menjawab persoalan kajian.

### 1.8.5 Pengaruh Teknologi dalam Pembelajaran Moral

Mengenal pasti teknologi yang sesuai yang boleh diaplikasikan untuk meningkatkan pembelajaran moral, seperti penggunaan platform pembelajaran dalam talian, simulasi maya atau aplikasi pendidikan moral. Ini merupakan bahan bantu mengajar yang dapat menarik minat murid dan menghasilkan pembelajaran yang bermakna.





### 1.8.6 Pembangunan Karakter

Meneliti program pembangunan sahsiah yang diintegrasikan dalam pendidikan moral untuk membantu murid membina kualiti sahsiah yang positif ke arah pembentukan insan yang sempurna seperti mana yang dihasratkan dalam DSKP Pendidikan Moral selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

### 1.8.7 Penilaian Keseluruhan

Menilai kesan keseluruhan pembelajaran teradun dalam pendidikan moral terhadap perkembangan keseluruhan murid, termasuk pengaruhnya terhadap sikap, nilai, dan tingkah laku moral murid, terutamanya di peringkat sekolah rendah. Jelaslah bahawa skop kajian ini dapat memberikan pandangan yang mendalam dan jelas tentang pelbagai aspek yang mempengaruhi keberkesanan kaedah pembelajaran moral, iaitu pembelajaran teradun secara terancang dan bersepadu dalam membantu meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah rendah dan seterusnya membangunkan hasrat negara dengan kaedah yang telah digubalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

## 1.9 Kerangka Konsep

Dalam kajian ini, pembelajaran teradun diaplikasikan dengan tujuan untuk mencapai objektif pembelajaran yang diinginkan, khususnya dalam meningkatkan kefahaman murid dari segi penaakulan moral, emosi moral, dan perlakuan moral. Teori





Vygotsky (1978) memainkan peranan penting dalam membentuk kerangka konsep kajian ini, yang mana ia menekankan pentingnya interaksi sosial dan sokongan dalam proses pembelajaran murid di dalam kelas bersama-sama rakan sebaya. Ini disokong oleh penggunaan perancah, iaitu bahan bantu belajar seperti nota perbincangan, peta pemikiran, penilaian dalam talian, serta video interaktif yang membantu murid membina pengetahuan baharu.

Menurut Vygotsky, *Zone Proximal Development* (ZPD) adalah kawasan di mana murid dapat mencapai tahap pemahaman yang lebih tinggi melalui bimbingan rakan sebaya dalam aktiviti pembelajaran dan guru sebagai fasilitator. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran yang berlaku secara kolaboratif dalam persekitaran yang sesuai dan kondusif akan lebih berkesan untuk murid. Dalam konteks pembelajaran teradun, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi semasa sesi bersemuka memberikan ruang dan peluang untuk murid berinteraksi, bekerjasama, dan mengaplikasikan pengetahuan sedia ada untuk mencapai tahap pengetahuan yang lebih tinggi (Rajah 1.2). Dalam kajian ini, pembelajaran teradun telah memberi ruang yang luas kepada murid untuk berkolaborasi, berdiskusi, dan menerima bimbingan secara tersusun dan sistematik, sekali gus memperkukuhkan kefahaman mereka terhadap nilai-nilai moral secara lebih mendalam. Di samping itu, persekitaran pembelajaran yang bersifat interaktif dan berpusatkan murid membolehkan mereka mengaitkan pengalaman pembelajaran dengan konteks kehidupan sebenar (Simah et al., 2021; Garrison & Vaughan, 2013).


Manakala, kajian tindakan yang digunakan sebagai reka bentuk kajian membolehkan penyelidik mengumpul maklumat secara berterusan melalui tiga



gelung. Proses ini membantu penyelidik untuk menilai dan menambah baik strategi pengajaran agar murid lebih mudah mencapai objektif pembelajaran. Dalam masa yang sama, persoalan kajian dapat dijawab melalui pengumpulan data secara sistematik dalam setiap gelungan. Akhirnya, matlamat Pendidikan Moral, iaitu untuk melahirkan individu yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan mampu mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian dapat dicapai melalui pembelajaran teradun.

## Rajah 1.2

### Kerangka Konsep





### 1.10 Kepentingan Kajian

Fokus utama kajian ini merupakan satu usaha awal penyelidik menggunakan kaedah pembelajaran teradun sebagai teknik pengajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di negara kita. Matlamat Pendidikan Moral iaitu untuk memperbaiki kehidupan manusia (Swedene, 2005) dapat direalisasikan melalui penemuan dan penggunaan pelbagai kaedah pengajaran seperti pembelajaran teradun. Penyelidikan ini memberikan sedikit sumbangan kepada kesedaran yang semakin meningkat dalam aspek pedagogi Pendidikan Moral di negara kita. Pendedahan dan dapatan kajian tentang pembelajaran teradun mampu membuka perspektif baharu dalam pedagogi pengajaran Pendidikan Moral kepada pihak berkepentingan seperti ketua panitia Pendidikan Moral, pentadbir sekolah, pensyarah Institusi Pendidikan Guru, para penyelidik, dan para perancang dasar di Bahagian Perkembangan Kurikulum.

Seterusnya, kajian ini juga akan memberi manfaat langsung kepada guru mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah rendah, yakni menjadikan amalan pembelajaran teradun sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas yang dapat membantu murid menguasai dimensi moral dengan lebih berkesan. Penyelidikan ini dapat menambah sumber maklumat dan memberikan idea baharu kepada guru Pendidikan Moral yang sentiasa berusaha untuk memperbaiki proses pengajaran mereka melalui kajian tindakan di sekolah. Selain itu, prosedur kajian ini juga boleh diterjemahkan oleh guru untuk dijadikan contoh panduan kajian tindakan di sekolah, di samping memberikan peluang kepada guru mengetahui satu lagi amalan pengajaran yang bersifat interaktif dan sesi pembelajaran aktif. Ini selaras dengan kajian oleh Mohd Aizat dan Kamarudin (2020) di mana Pelan Pembangunan





Pendidikan Malaysia (2013-2025) digubal untuk menggiatkan peranan guru adalah sebagai agen perubahan bagi membantu meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia dari semasa ke semasa.

Selain itu, penyelidik juga mengkaji keupayaan kaedah pembelajaran teradun dalam mengembangkan dimensi moral iaitu penaakulan, emosi, dan amalan moral dalam kalangan murid sekolah rendah. Dengan kata lain, penyelidik ingin melihat bagaimana penglibatan murid dan pengalaman yang diterima melalui pembelajaran teradun dapat membantu mereka untuk mengembangkan aspek penaakulan moral, emosi, dan amalan moral. Dengan pengintegrasian pengajaran dan pembelajaran berbantuan TMK, terdapat pelbagai bahan multimedia yang menjadi tarikan kepada murid-murid dalam sesi pembelajaran yang membantu mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran (Wijayanti et al., 2019). Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mewujudkan suasana pembelajaran aktif, menyeronokkan, serta bermakna di bilik darjah. Oleh itu, kajian ini merupakan satu usaha penyelidik untuk membantu murid memahami, menghargai dan menghayati nilai-nilai moral yang dipelajari dalam mata pelajaran Pendidikan Moral, seterusnya mengaplikasikannya dalam tingkah laku dan situasi harian mereka secara berterusan.

Secara praktikalnya, penyelidik meneliti kesahihan Teori Konstruktivisme Vygotsky yang menekankan peranan persekitaran sosial dan budaya dalam perkembangan kognitif serta pembentukan sahsiah murid. Dalam konteks pembelajaran teradun, interaksi sosial yang berlaku sama ada secara bersemuka mahupun dalam talian menyediakan ruang yang kondusif untuk murid membina pengetahuan baharu. Murid berpeluang membina kefahaman terhadap nilai-nilai





moral bukan hanya melalui hafalan, tetapi melalui penglibatan aktif dalam aktiviti pembelajaran yang mencerminkan kehidupan sebenar, sekaligus menyokong penerapan dimensi moral secara lebih berkesan (Vygotsky, 1978).

### 1.11 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang mana menggunakan pendekatan kualitatif dan reka bentuk kajian ialah kajian tindakan (*action research*). Penyelidik mengkaji kaedah pembelajaran teradun dalam mata pelajaran Pendidikan Moral dengan memberikan tumpuan kepada perkembangan penaakulan moral, emosi moral dan amalan moral dalam kalangan murid sekolah rendah sahaja. Sehubungan dengan itu, kajian ini terhad kepada sekolah kebangsaan yang terpilih di daerah Bandaraya Diraja Klang yang melibatkan peserta kajian yang terdiri daripada murid-murid tahun empat sahaja. Manakala, bilangan peserta kajian adalah kecil iaitu seramai 12 orang murid yang terhad kepada murid-murid daripada kaum India, Iban dan Murut sahaja. Dalam kajian ini, seorang rakan kolaborasi telah dilantik bagi setiap sekolah yang terlibat, dan penyelidik sendiri telah terlibat secara langsung dalam proses pengumpulan data bagi setiap sekolah. Oleh yang demikian, hanya selama 14 minggu tempoh kajian yang melibatkan sesi pengajaran dan pembelajaran sahaja berpandukan kaedah Model Kajian Tindakan. Maka, proses pengumpulan data hanya melibatkan tiga kaedah iaitu temu bual, pemerhatian secara langsung serta catatan jurnal bagi menyokong dapatan kajian untuk menjawab persoalan kajian yang telah dibina.





Selain itu daripada itu, kajian ini juga tidak menyentuh dua lagi aspek penting yang membentuk bidang moral iaitu aspek kandungan moral dan bentuk moral. Dalam kajian ini, penyelidik hanya menjalankan kajian tentang aspek dimensi moral sahaja. Dengan ini, penyelidik hanya meneroka keberkesanan pembelajaran teradun dalam mengembangkan unsur penaakulan moral, emosi moral dan amalan moral secara am dan bukannya kepada perkembangan tahap-tahap dimensi moral.

Begitu juga, kajian ini hanya melibatkan bilangan peserta yang kecil dan dijalankan dalam tempoh masa yang terhad, dapatan kajian ini tidak mampu digeneralisasikan dalam konteks peserta dan latar belakang yang lain. Jelaslah, bahawa kajian ini tidak mampu memberikan gambaran menyeluruh tentang dimensi moral murid tahun empat yang terlibat dalam kaedah pembelajaran teradun di sekolah rendah yang lain di Malaysia. Justeru itu, dapatan kajian ini hanya bertepatan dalam konteks kajian ini sahaja di mana ia mampu memberikan satu gambaran terperinci tentang keberkesanan pembelajaran teradun sebagai pedagogi pengajaran di dalam kelas Pendidikan Moral di sekolah rendah.

## **1.12 Definisi Istilah**

### **1.12.1 Pendidikan Moral**

Pendidikan Moral ialah satu mata pelajaran yang memberi penekanan kepada pembangunan sahsiah dan jati diri murid bukan beragama Islam melalui penghayatan



dan pengamalan nilai-nilai murni yang bersifat sejagat, selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2018).

Dalam kajian ini, Pendidikan Moral sekolah rendah adalah satu mata pelajaran yang dirangka bukan sahaja untuk menyampaikan pengetahuan berkenaan nilai-nilai moral, tetapi turut berperanan dalam membentuk insan yang beretika, berperibadi mulia serta bertanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, Masyarakat, dan juga negara. Ini selari dengan aspirasi kerajaan, Rukun Negara, Wawasan 2020, dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan (DSKP, Pendidikan Moral Tahun 4, 2018).

### 1.12.2 Pembelajaran

Pembelajaran merujuk kepada proses perubahan tingkah laku, pemikiran, atau kefahaman individu hasil daripada pengalaman, pengamatan, atau penglibatan aktif dalam sesuatu aktiviti pembelajaran (Slavin, 2020). Pembelajaran berlaku daripada pengalaman seseorang yang menyebabkan perubahan kekal dalam pengetahuan atau tingkah laku (Radin et al., 2018).

Dalam kajian ini, pembelajaran ditumpukan kepada usaha untuk menerapkan dimensi moral secara berkesan dalam kalangan murid Tahun Empat melalui gabungan pembelajaran secara bersemuka dan dalam talian yang melibatkan pelbagai strategi, teknik, serta pendekatan untuk mencapai objektif pembelajaran.



### 1.12.3 Pembelajaran Teradun

Pembelajaran teradun ialah pendekatan yang menggabungkan pembelajaran dalam talian dan sesi bersemuka bagi memastikan objektif PdP dapat dicapai dengan lebih berkesan (Simah et al., 2021). Bagi Siti Hajar (2019), pembelajaran teradun merupakan satu pedagogi yang mengintegrasikan pelbagai kaedah pengajaran secara holistik, dengan menggabungkan interaksi bersemuka, iaitu secara tradisional, dan pembelajaran dalam talian bagi mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih fleksibel dan berpusatkan murid serta bermakna dengan pembinaan pengetahuan baharu.

Dalam kajian ini, pembelajaran teradun yang diterapkan adalah berasaskan model adunan berimpak sederhana (Nadarajan, 2019), di mana penstrukturan semula secara menyeluruh terhadap teknik pengajaran, pemilihan aktiviti yang bersesuaian serta kaedah penilaian mengikut kecerdasan murid secara bersemuka serta dalam talian bagi membantu murid menguasai nilai-nilai moral dengan berkesan. Ini membantu guru merancang pengajaran yang lebih sistematik dan interaktif, manakala murid pula dapat melibatkan diri secara aktif dalam sesi pembelajaran yang lebih bermakna.

### 1.13 Organisasi Bab

Tesis ini mengandungi lima bab utama. Bab satu merupakan pengenalan kepada kajian ini. Ia merangkumi latar belakang kajian, rasional pembelajaran teradun,





Kurikulum Pendidikan Moral Sekolah Rendah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kerangka konsep, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah, organisasi bab, dan kesimpulan bab.

Bab dua membincangkan sorotan literatur, iaitu kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Bab ini juga merumuskan dapatan daripada kajian terdahulu sebagai asas kepada kajian ini. Manakala, bab tiga pula menerangkan metodologi kajian yang meliputi reka bentuk kajian, pemilihan lokasi, pemilihan peserta kajian, penentuan peserta kajian, pelaksanaan kajian tindakan, prosedur kajian, dan jadual prosedur kajian. Selain itu, bab tiga juga turut membincangkan berkaitan instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, kaedah pengumpulan data, penyaringan data, analisis data, kesahan dan kebolehpercayaan kajian, serta etika penyelidikan. Bab tiga diakhiri dengan kesimpulan bab. Seterusnya, bab empat membentangkan dapatan dan analisis kajian berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui kaedah yang telah ditetapkan. Dan yang terakhir bab lima meliputi perbincangan, implikasi kajian, cadangan kajian lanjutan, dan kesimpulan bab.

### **1.14 Kesimpulan Bab**

Matlamat utamanya pembelajaran teradun adalah untuk memaksimumkan pemahaman murid terhadap sesuatu prinsip, teori, dan pengetahuan selaras dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran serta KSSR Pendidikan Moral Sekolah Rendah (Modul Pembelajaran Teradun, 2022). Jesteru itu, kaedah pembelajaran teradun dalam Pendidikan Moral berperanan sebagai strategi pengajaran





yang holistik bagi memastikan murid bukan sahaja memahami nilai-nilai moral tetapi juga menghayati dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Malahan kaedah yang mengintegrasikan kaedah pengajaran secara bersemuka dengan teknologi digital bertujuan meningkatkan keberkesanan pembelajaran, selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Dalam konteks Pendidikan Moral, pembelajaran teradun bukan sekadar menyampaikan pengetahuan tetapi berfungsi sebagai pemangkin dalam pembentukan penaakulan moral, emosi moral, dan amalan moral dalam kalangan murid. Ini sejajar dengan matlamat Rukun Negara, Wawasan 2020, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Moral yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh. Ringkasnya, kaedah pembelajaran teradun murid bukan sahaja memperoleh ilmu secara lebih fleksibel dan menarik, tetapi juga didedahkan kepada pelbagai aktiviti yang membentuk keperibadian, jati diri, dan sahsiah. Melalui pembelajaran teradun, dapat membantu guru melaksanakan pendidikan secara seimbang dan bersepadu mengikut prinsip JERIS (Jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial), selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis.

